

**KONSEP TA'AWUN DALAM PENGURUSAN RUMAHTANGGA BERDASARKAN
PERSPEKTIF HADIS**

Norzulaili Mohd Ghazali (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +60193822617, Email: norzulaili@usim.edu.my

Robiatul Adawiyah Mohd
Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +0192605430 Email: adawiyah@usim.edu.my

Mesbahul Hoque
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
mesbahul@usim.edu.my

Mawaddah Abd Manan
Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +601111279122, Email: mawaddahmanan97@gmail.com

ABSTRAK

Melayari kehidupan rumahtangga bukanlah semudah yang dijangkakan. Barangkali pelbagai onak dan duri yang akan ditempuhi sepanjang melayari bahtera kehidupan bersama suami isteri. Justeru, bagi memastikan objektif perkahwinan yang inginkan mawaddah dan sakinah, konsep ta'awun amat perlu diberi penekanan. Kertas kerja ini akan mengupas konsep ta'awun dalam rumahtangga sebagaimana yang telah disebut oleh Nabi SAW. Kertas kerja ini akan mengekstrak dan menghimpunkan semua hadis berkaitan dengan *ta'awun* secara umum. Pengekstrakan hadis ini akan memberi tumpuan kepada lafaz *ta'awun* yang terdapat dalam hadis. Pengekstrakan ini akan menggunakan kata kunci perkataan *عَوْن*. Seterusnya kupasan dan penjelasan bagi hadis-hadis yang telah diekstrak akan dijadikan sebagai asas dalam merangka konsep *ta'awun* dalam kehidupan berumahtangga. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa konsep *ta'awun* berdasarkan pendekatan nabi SAW adalah wajar diterapkan dalam kehidupan berumahtangga kerana konsep *ta'awun* ini meliputi dimensi yang luas bukan sahaja terhad kepada kerjasama dalam pengurusan rumahtangga tetapi ia melibatkan *ta'awun* dalam pengurusan emosi dan perasaan.

Katakunci: *Ta'awun*, Pengurusan, Rumahtangga, Hadis

Pendahuluan

Rumahtangga yang bahagia, penuh dengan kemesraan dan rasa hormat antara suami, isteri dan anak-anak menjadi impian setiap orang. Namun, melayari kehidupan berumahtangga tidak menjanjikan yang manis-manis belaka. Pelbagai cabaran dan onak duri perlu dilalui dan dilepasi. Jika gagal dihadapi

segala cabaran dan ujian ini dengan betul, kemungkinan akan membawa kepada perceraian. Dalam menjalani kehidupan berumahtangga Rasulullah SAW adalah teladan terbaik. Baginda SAW adalah *model* suami idaman. Adab dan tertib pergaulan Baginda ketika bersama para isteri dan ahli kelurga telah disebut dalam banyak hadis. Justeru, segala panduan Nabawi ini perlu difahami dan dipraktikkan dalam melayari kehidupan berkeluarga agar ia sentiasa dilimpahi dengan mawaddah, rahmah dan sakinah.

Kertas kerja ini akan membawa hadis-hadis yang dijadikan sebagai sandaran asas dalam menggarap konsep *ta'awun* bagi sepasang suami isteri dalam kehidupan seharian. Ternyata, sunnah Nabawi telah menyediakan satu panduan lengkap bagi sebuah kehidupan berkeluarga. Barangsiapa yang berpegang kepadanya, nescaya mereka akan beroleh kebahagian di dunia dan akhirat.

***Ta'awun* menurut al-Quran dan hadis**

Perkataan *ta'awun* di dalam al-Quran disebut sebanyak dua kali iaitu dengan sebutan ‘*ta'awunu*’ dan ‘*a'anah*’. Manakala di dalam hadis ia disebut dengan perkataan ‘*a'an*’ dan ‘*a'anah*’. Ringkasan penemuan perkataan ‘*ta'awun*’ di dalam al-Quran dan hadis adalah seperti berikut:

No	Perkataan	Ayat	Surah
1	تعاونوا	وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقْوَى ٠ وَالْعُدُوانَ	Al-Maidah
2	أَعَانَهُ	وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا إِفْكُ افْتَرَاهُ وَأَعَانَهُ عَلَيْهِ قَوْمٌ آخَرُونَ	Al-Furqan
No	Perkataan	Hadis	Kitab
1	أَعَان	من أَعَانَ عَلَى خُصُومَة بِظُلْمٍ، أَوْ يَعِينُ عَلَى ظُلْمٍ	Sunan Ibn Majah
2	أَعَانَه	فَأَرَادَ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا صَالِحًا إِنْ نَسِيَ ذَكْرَهُ، وَإِنْ ذَكَرَ أَعَانَهُ	Sunan Al-Nasaiei

Jadual 1: Ayat dan hadis yang mengandungi perkataan *ta'awun* Ta'awun menurut al-Quran

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْأَهْدِي وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا أَمِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامَ
يَتَّعَوَّنَ فَضْلًا مِّنْ رَّبِّهِمْ وَرَضْوَانًا ۝ وَإِذَا حَلَّتُمْ فَاصْطَادُوا ۝ وَلَا يَجْرِي مَنْكُمْ شَيْءٌ فَوْمٌ أَنْ صَدُوكُمْ عَنِ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا ۝ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ ۝ وَاتَّقُوا
اللَّهُ ۝ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu melanggar syiar-syiar kesucian Allah SWT dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan mengganggu hadyu (haiwan-haiwan korban), Qalaid (haiwan-haiwan yang diberi tanda), dan jangan juga mengganggu orang yang mengunjungi baitul haram. Mereka mencari kurniaan dan keredhoaan Tuhanmu. Tetapi jika kamu selesai mengerjakan ihram maka bolehlah kamu berburu. Jangan sampai ebencianmu kepada satu kaum kerana mereka menghalangmu dari masjidil haram, mendorongmu melakukan perkara yang melampaui batas (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada

Allah, susungguhnya Allah SWT sangat berat seksaan-Nya. (Al-Maidah: 2)

Al-Qurtubi (1964) dalam tafsirnya menerangkan bahawa “وتعاونوا على البر والتقوى” bermaksud satu suruhan dan galakan daripada Allah SWT untuk semua manusia agar bantu-membantu dalam melaksanakan perintah Allah SWT serta beramal dengannya. Maksud ini juga merangkumi menjauhkan diri daripada laranganNya. Adapun lafaz ‘al-bir’ dan ‘al-taqwa’ mengandungi maksud yang sama dan sebutan ‘al-taqwa’ hanyalah untuk menguatkan lafaz ‘al-bir’. Al-Mawardi berkata: berdasarkan ayat ini, Allah SWT menggalakkan tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan kepada-Nya kerana pada takwa akan memperoleh redha Allah SWT sedangkan ‘kebaikan’ akan mendapat redha manusia. Jika mendapat kedua-dua redha ini pasti akan mencapai kebahagiaan dan kenikmatan (Al-Qurtubi, 1964).

Manakala, al-Sa’di berpendapat tolong-menolong antara satu sama lain dalam kebaikan merangkumi semua perbuatan yang disukai oleh Allah SWT sama ada perbuatan zahir atau batin dan memelihara hak-hak Allah SWT serta hak-hak manusia. Tambahnya, ketakwaan pula ialah menjauhi semua perbuatan yang dibenci oleh Allah SWT dan rasul-Nya dan ia merangkumi amalan zahir dan batin serta perbuatan kebiasaan yang merasa tenang apabila melakukannya. Jika seseorang merasa tenang apabila melakukan perbuatan-perbuatan tersebut, dia mestilah membantu saudaranya yang lain iaitu menasihati dan menggalakan mereka agar melaksanakan perkara tersebut. Sementara Ibn Kathir (1999), menjelaskan suruhan Allah SWT terhadap orang mukmin untuk melakukan kebaikan merujuk maksud ‘al-bir’ dan meninggalkan kemungkaran merujuk kepada perkataan ‘taqwa’.

Dalam pada itu, Allah SWT juga menyebut ﴿وَلَا تَعْلَوْنَا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ﴾ pada ayat ini. Ia bermaksud tidak melakukan maksiat yang mendatangkan dosa kepada pelakunya dan tidak melampau dalam tindakan terhadap nyawa, harta dan sebagainya. Menurut Sa’di (2000), setiap insan wajib menjauhkan diri daripada setiap maksiat tersebut, kemudian membantu orang lain agar meninggalkannya. Adapun al-Qurtubi (1964) berkata: ‘janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa’ ialah tidak tolong-menolong dalam perbuatan yang dilarang Allah SWT (الإِثْم) serta tidak melampaui batas yang ditetapkan oleh Allah dalam agama, dan apa yang difardhukan keatas diri sendiri dan orang lain (العدوان). Manakala, al-Maturidi (2005) berpendapat, kebaikan (البر) adalah berlawanan dengan dosa (الإِثْم) dan perkataan ‘ketakwaan’ (التقوى) berlawanan dengan persengketaan (العدوان). Maka jelaslah perkataan bagi setiap kebaikan dan التقوى ialah pengakhiran setiap kejahatan. Menurut Ibn Juzi (1995), merangkumi setiap dosa antara manusia dengan manusia tetapi melibatkan dosa antara manusia sahaja.

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا إِفْكٌ أَفْتَرَاهُ وَأَعْانَهُ عَلَيْهِ قَوْمٌ آخَرُونَ فَقَدْ جَاءُوا ظُلْمًا وَرُزُورًا ،

Orang-orang kafir berkata: ‘al-Quran ini tidak lain hanyalah kebohongan yang diadakan oleh dia (Nabi Muhammad SAW), dibantu oleh orang-orang lain. Sesungguhnya mereka telah berbuat zalim dan berdusta besar’. (Al-Furqan: 4)

Ayat ini mengisahkan tentang pendustaan orang-orang kafir terhadap al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Al-Maturidi (2005) menerangkan, وأعانه عليه قوم آخرون bermaksud: orang-orang kafir berkata kepada Nabi Muhammad SAW bahawa apa yang dibawa olehnya hanyalah rekaan semata-mata, dan ahli kitab muslim juga membantu dalam rekaan tersebut. Ini kerana, mereka mendapat bahawa apa yang disebutkan di dalam taurat dan injil terdapat pada apa yang dikhabarkan oleh Nabi SAW.

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, ta’awun bermaksud keterlibatan dua orang atau lebih dalam menjayakan sesuatu perkara. Pada ayat pertama ia lebih merujuk kepada bantu membantu dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan. Walaupun begitu pada ayat pertama juga disebutkan وَلَا تَعَاوُنُوا yang bermaksud janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan tetapi ia tetap sahaja bermaksud menggesa melaksanakan tolong-menolong dalam kebaikan.

Ta’awun menurut hadis

حدثنا محمد بن ثعلبة بن سواء قال: حدثني عمي محمد بن سواء، عن حسين المعلم، عن مطر الوراق، عن نافع، عن ابن عمر، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «من أعاان على خصومة بظلم، أو يعين على ظلم، لم يزل في سخط الله حتى ينزع»

Rasulullah SAW bersabda: “barangsiapa yang membantu persengketaan dengan cara zalim atau membantu kezaliman, maka dia akan sentiasa dalam kemurkaan Allah sehingga dia meninggalkan”. (Ibn Majah, 2009).


Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Hakim, Ahmad dan al-Baihaqi. Ta’awun dalam hadis ini merujuk kepada tolong-menolong dalam perbalahan dengan cara zalim. Berdasarkan maksud hadis ini, Nabi Muhammad SAW melarang melakukan kezaliman apatah lagi membantu dalam kezaliman (Muhammad Ali, 2011). Ia bermaksud menolong pihak yang zalim (bersalah). Perlakuan ini seolah-olah dia menggantikan orang yang melakukan kezaliman atau bersaksi dengan syahadah yang palsu atau seumpamanya dalam membantu orang zalim mencapai bukan haknya. Siapa yang melakukan perkara tersebut akan mendapat kemurkaan Allah SWT (Al-Badr, n.d).

أَخْبَرَنَا عُمَرُ بْنُ عُثْمَانَ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبْنُ الْمَبَارِكَ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبْنُ أَبِي حَسِينٍ، عَنْ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ، قَالَ: سَمِعْتُ عَمِّي، تَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ وَلَى مِنْكُمْ عَمَلاً، فَأَرَادَ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا صَالِحًا إِنْ نَسِيَ ذَكْرَهُ، وَإِنْ ذَكَرَ أَعْنَاهُ»

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang mengurus urusan kamu, apabila Allah SWT menginginkannya kebaikan, Allah SWT akan menjadikan orang yang soleh sebagai penolongnya. Jika dia lupa akan mengingatkannya, jika dia ingat akan membantunya”. (Al-Nasaei, 2001)

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Abu Daud (2009) dan dalam riwayatnya disebut dengan lafaz “إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِالْأَمِيرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا صَدِيقًا”. Kebaikan yang diberikan oleh Allah SWT keatas seseorang pemimpin menurut hadis ini merujuk kepada pembantunya yang memiliki kebaikan dalam hal dunia dan akhirat. Ini bermaksud pembantu pemimpin tersebut memiliki kebaikan pada perkataan, perbuatan, zahir dan batin, jika dia lupa kebijakan rakyat, menghukumi secara zalim dan tersasar dari syariat, pembantu tersebut yang akan mengingatkannya sama ada dari segi pandangan, perkataan dan perbuatan (HadeethEnc, nd). Hadis ini juga menganjurkan untuk mengangkat pembantu yang soleh dan itu termasuk kebahagiaan seorang pemimpin dan peringatan agar tidak menjadikan penolong daripada kalangan orang yang buruk (Faisal, 2014).

Disimpulkan daripada penerangan di atas, hadis pertama menjelaskan larangan menolong yang melakukan kezaliman. Manakala, hadis kedua menjelaskan pertolongan dalam hal kebaikan. Oleh itu, daripada kedua-dua hadis ini dapat difahami bahawa Nabi SAW sangat menganjurkan bekerjasama atau bantu membantu dalam hal kebaikan dan melarang menolong dalam perkara sebaliknya. Maksud hadis ini selari dengan ayat al-Quran tentang tolong-menolong dalam kebaikan dan ketakwaan. Ringkasan penjelasan ta'awun menurut al-Quran dan hadis adalah seperti rajah 1 dibawah:



Rajah 1: Konsep Ta'awun Menurut al-Quran dan hadis
Konsep Ta'awun

Ta'awun dari segi etimologi bermaksud bekerjasama antara satu sama lain dalam satu perkara atau lebih demi mencapai sesuatu tujuan. Manakala, ta'awun dari sudut terminologi ialah berkejasama antara manusia dalam perkara yang benar (hak) untuk mencapai ganjaran daripada Allah SWT (Samir, 2012). Maksud ini selari dengan ta'awun yang dianjurkan oleh ayat dan hadis di atas iaitu merangkumi kerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan dan bekerjasama dalam mejauhkan diri daripada persengketaan dan kezaliman, seperti firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاً بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ^{٧١}

“Dan orang-orang beriman dari kalangan lelaki dan perempuan, sebahagian menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh kepada perkara yang makruf (kebaikan) dan mencegah perkara yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka akan diberi rahmat oleh Allah” (Surah Al-Taubah:71)

Maksud kerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan tersebut ialah tolong-menolong antara muslim dalam menyempurnakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis sama ada perintah itu mengandungi perbuatan zahir atau batin. Selain itu, kerjasama ini juga merangkumi perbuatan yang merasa tenang dan tenteram apabila melakukannya. Tujuan ta'awun dalam Islam adalah untuk meraih keredaan Allah SWT dan keredaan manusia. Keredaan manusia adalah dalam bentuk menjamin keamanan dan kesejahteraan sesama manusia.

Menurut Ahmad Jamal, kerjasama dan penyatuan di bawah konsep yang sama. Ia mestilah dilaksanakan dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, jika tidak ia akan membawa

kepada kegagalan, permusuhan, persengketaan antara negara-negara. Penulis juga menekankan orang Islam mestilah hidup bersama dengan saudara-saudaranya, merasai juga kesakitan mereka dan membantunya dalam kebaikan. Melalui perkara-perkara tersebut, umat islam akan menjadi satu jasad yang hidup. seperti hadis Nabi SAW:

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: «المؤمن للمؤمن كالبنيان، يشد بعضه بعضاً» ثم شبك بين أصابعه. وكان النبي صلى الله عليه وسلم جالساً، إذ جاء رجل يسأل، أو طالب حاجة، أقبل علينا بوجهه فقال: «اشفعوا فلتؤجروا، وليقض الله على لسان نبيه ما شاء»

Nabi SAW bersabda: ‘orang mukmin bagi mukmin yang lain seperti bangunan, sebahagian menguatkan sebahagian yang lain’. (Bukhari, 2001)

Tambah Ahmad Jamal lagi, antara sebab syara’ menganjurkan ta’awun dalam kebaikan dan ketakwaan adalah untuk meringankan penderitaan orang-orang muslim, menutup keaiban, memudahkan urusan, menolong mereka jika dizalimi, mendedahkan apa yang tidak diketahui mereka, mengingatkan akan kelalaian mereka, membantu mengatasi keperluan mereka dan sebagainya (Ahmad Jamal, 2001).

Konsep Ta’awun Dalam Rumahtangga

Rumahtangga merupakan institusi terkecil dalam masyarakat tetapi ia mendatangkan kesan yang besar kepada masyarakat jika berfungsi dengan baik begitu juga sebaliknya. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, ta’awun ialah kerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan. Ia mestilah diaplikasikan dalam kehidupan berumahtangga. Ini kerana, ta’awun merupakan aspek penting dalam mengukuhkan sesebuah hubungan kekeluargaan terutamanya suami dan isteri. Ia juga penting dalam membentuk keluarga yang sejahtera dan sudah pasti sikap ta’awun antara suami dan isteri akan diikuti oleh anak-anak mereka. Walaubagaimanapun, ta’awun dalam rumahtangga mestilah dilaksanakan selari dengan konsep ‘bergaullah dengan cara yang baik’. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرْثُوا النِّسَاءَ كَرْهًاٰ وَلَا تَعْصُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوْا بِعِظِيمٍ مَا
آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَٰ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ
تَكُرِهُوْا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ۖ

“wahai orang-orang yang beriman! Tidak halal bagimu mewarisi perempuan dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka kerana hendaka mengambil kembali sebahagian daripada apa yang telah kamu berikan kepadanya, kecuali jika mereka melakukan perbuatan yang keji dan nyata. Dan bergaullah dengan mereka dengan yang patut. Jika kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana boleh jadi kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah SWT menjadikan kebaikan yang banyak padanya. (An-Nisa: 19)

Secara ringkasnya, ayat ini menjelaskan memperlakukan wanita dengan baik. Dalam menafsirkan, Ibn Munzir (2002) mendatangkan hadis Ikramah: “hak isteri dari suaminya: berteman dengan cara baik, pakaian, rezeki yang baik”. Al-Qurtubi (1964) menjelaskan pergaulan yang baik ialah memenuhi hak-hak isteri seperti mahar, nafkah, tidak bermasam muka, tidak melakukan kesalahan, tidak bercakap kasar, kesat dan seumpamanya. Al-Qairawani (2008) menyatakan ia bermaksud baik dari segi tempat tidur dan percakapan. Justeru, dalam melaksanakan ta’awun dalam rumahtangga, pada masa yang sama suami juga perlu bercakap dan berteman dengan isteri dengan cara baik, tidak bermasam muka dan

melaksanakan hak-hak isteri yang lain.

Bentuk-bentuk Ta'awun dalam Rumahtangga

a) Membantu melakukan kerja rumah

Dalam pengurusan rumah tangga, antara bentuk *ta'awun* (kerjasama) ialah suami menolong isteri dalam hal ehwal urusan rumah. Dalam sebuah hadis Aisyah RA ditanya tentang apa yang dilakukan rasulullah SAW dalam rumahtangganya:

عن الأسود بن يزيد، سُلِّمَتْ عائشة رضي الله عنها، ما كان النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَصْنَعُ فِي الْبَيْتِ؟ قَالَتْ: «كَانَ يَكُونُ فِي مَهْنَةِ أَهْلِهِ، إِذَا سَمِعَ الْأَذَانَ خَرَجَ»

Al-Aswad bertanya kepada Aisyah RA: Apa yang rasulullah SAW lakukan dalam keluarganya? Aisyah menjawab: ‘Baginda selalu membantu pekerjaan rumah isterinya, apabila mendengar azan baginda keluar’. (al-Bukhari, 2001).

Keterlibatan suami dalam urusan rumah boleh mengelakkan isteri daripada mengalami tekanan. Suami isteri harus berganding bahu menyusun waktu mereka untuk merancang kaedah-kaedah untuk mendidik anak-anak dalam segala aspek seperti akidah, ibadah, tingkah laku, sosial, dan Pendidikan (Wakil & Abdullah, 2021).

Selain daripada itu, kerjasama antara suami dan isteri juga boleh diterjemahkan dengan suami sebagai ketua keluarga berperanan menjadi *role model* kepada isteri dan anak-anak. Ini bermaksud, suami perlu menunjukkan tingkah laku yang baik terlebih dahulu seperti bercakap dengan beradab, perilaku tidak membazir dan lain-lain dalam mendidik isteri dan anak-anak (Sahid et al., 2020).

Di samping itu, suami dan isteri juga boleh meminta bantuan orang sekelilingnya untuk mengambil alih tanggungjawab di rumah. Sebagai contoh mengupah pembantu rumah untuk mengemas rumah, memasak dan seumpamanya. Mereka juga boleh meminta bantuan daripada jiran dan kawan-kawan untuk menjaga anak sepanjang tempoh keluar bekerja. Doktor Mazlee Malik (2013) berpendapat bahawa wanita bekerja yang hidup dikelilingi oleh kawan-kawan dan masyarakat lain akan berasa tenang jika mereka mendapat bantuan daripada jiran tetangga atau kenalan terdekat untuk menjaga anak-anak terutamanya jika terdapat urusan yang tergempar.

b) Mengurus Tekanan Pasangan

Bagi suami dan isteri bekerja, mereka telah menghabiskan masa dan tenaga mereka sepanjang hari. Ini menyebabkan mereka berasa penat dan akan memberi tekanan kepada mental mereka. Tekanan mental secara tidak langsung akan menjelaskan tugas dan fokus mereka dalam mengendalikan urusan rumah tangga. Oleh itu, suami sebagai ketua keluarga perlu membimbing keluarga kepada perkara yang merehatkan rohani. Hal ini boleh dilakukan dengan mendekatkan diri kepada Allah seperti berzikir, membaca al-Quran dan solat berjemaah serta amalan sunat yang lain, seperti firman Allah SWT:

أَلَا يَذْكُرِ اللَّهُ تَطْمِينُ الْقُلُوبُ

Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram (Ar-Ra'd: 28).

Begitu juga, isteri perlu menasihati suami untuk melakukan perkara tersebut jika suaminya terlupa. Suami dan isteri perlu mencintai Allah dan memahami agama dengan cara yang betul kerana ia merupakan cara utama untuk menyelesaikan masalah hidup. Sabda Nabi SAW

kepada Ibnu Abbas:

يَا غَلَامٌ، إِنِّي مُعْلِمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظْ اللَّهَ يَحْفَظُكَ، احْفَظْ اللَّهَ تَجْهَدْ تَجَاهِكَ

‘Wahai Ghulam, aku mengajarkan kepada kamu beberapa kalimat, jagalah Allah nescaya Allah akan menjagamu, jagalah Allah nescaya kamu mendapati-Nya bersamamu’. (al-Tirmidzi, 1975)

Berdasarkan hadis ini, untuk menjaga hubungan dengan Allah SWT perlulah menghadirkan cinta kepada-Nya terlebih dahulu. Dalam pada itu, suami dan isteri juga perlu berdoa dengan bersungguh-sugguh dan tidak berputus asa ketika diuji dengan sesuatu (Razali & Azhar, 2020). Selain itu, suami dan isteri bekerja memikul banyak tugas lebih cenderung untuk mendapat tekanan dan jika tidak boleh mengawalnya mereka akan diseliputi sifat marah. Keadaan ini bertambah buruk jika suami dianggap mengabaikan tugasnya dalam menjaga anak dan urusan rumah. Boleh dikatakan sifat marah boleh menggugat kestabilan rumah tangga. Ini tidak bermaksud marah tidak dibolehkan sama sekali tetapi ia mestilah tidak boleh melebihi had-had yang ditetapkan oleh syarak.

Disebabkan kesan marah sangat bahaya Nabi SAW memberi nasihat kepada seorang lelaki ketika dia meminta nasihat kepada Nabi SAW seperti yang diceritakan oleh Abu Hurairah:

أَنْ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْصِنِي، قَالَ: لَا تَغْضِبْ فَرَدَدَ مَوْرًا، قَالَ: لَا تَغْضِبْ

Seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW: berilah nasihat kepada wahai Rasulullah SAW. Nabi SAW berkata: jangan marah. Dia mengulang semula pertanyaannya. Nabi SAW menjawab: jangan marah. (al-Bukhari, 2001)

Pengawalan sifat marah ini akan mengukuhkan hubungan antara manusia dan khususnya antara anggota keluarga. Hal ini kerana, ketika mereka mengawal perasaan ini akan memupuk dan menanam sifat kasih sayang antara ahli keluarga. Sementara, kehilangan pengawalan terhadap sifat ini akan menyebabkan mereka bertindak di luar batas mereka seperti menyakiti anak walaupun anak melakukan kesalahan kecil. Dalam pada itu, suami maupun isteri perlu menenangkan pasangan mereka jika salah seorang daripada mereka mengalami tekanan di tempat kerja atau selainnya. Mereka jika perlu mengelakkan berkata atau berkelakuan yang menambah lagi tekanan dan kemarahan pasangan mereka.

c) Saling menasihati

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ ۖ

Wahai orang-orang beriman, peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam semua perkara yang diperintahkan kepada mereka. Dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (al-Tahrim: 6)

Berdasarkan ayat ini, al-Nawawi menjelaskan bahawa tanggungjawab suami ialah mendidik isteri tentang pengamalan dan pengetahuan agama yang boleh menjauhkan daripada api neraka. Baginya dengan pengetahuan tersebut, suami dan isteri telah mengetahui tanggungjawab dan hak masing-masing (Jasmi et al, 2004). Walau bagaimanapun, jika isteri melakukan kesalahan, Islam menganjurkan agar menasihatinya dengan cara berhikmah dan tidak menguris hatinya. Tetapi jika cara ini tidak berkesan dan untuk mententeramkan kedua-

dua belah pihak, suami boleh melakukan pemulauan tempat tidur (Haliza et al, 2012). Begitu juga, jika suami melakukan kesalahan atau melakukan perbuatan yang tidak disukai olehnya, isteri perlu menasihati dan menegur suaminya. Kedua-dua belah pihak haruslah berlapang dada dalam menerima nasihat untuk menjamin kestabilan rumahtangga.

Di samping itu, suami dan isteri digalakkan untuk berbincang mengenai urusan keluarga dan hal-hal lain supaya dapat mengurangkan tekanan seperti yang dilakukan oleh Nabi SAW dan Ummu Salamah pada perjanjian Hudaibiyah seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad. Perbincangan yang dilakukan Rasulullah SAW bersama Ummu Salamah tidak mengurangi nilai kelelakian Baginda SAW, sebaliknya Baginda memuliakan isterinya dengan penglibatannya dalam menentukan keputusan hidup. Kerjasama seumpama ini juga meletakkan wanita sebagai penguat suaminya, sekaligus bertindak sebagai faktor mencapai kebahagiaan hidup.

d) Mengurus Rumahtangga dan Mencari Nafkah

Tanggungjawab dalam menjaga rumah tangga adalah peranan suami dan isteri, seperti sabda Nabi SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ، وَالْأَمِيرُ رَاعٍ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوْلَدِهِ،

فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ

Setiap kalian adalah pemimpin, setiap kalian bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin adalah pemimpin kepada rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin atas keluarganya, seorang wanita pemimpin atas rumah suami dan anak-anaknya'. (al-Bukhari, 2001)

Berdasarkan hadis ini tanggungjawab suami ialah menyediakan nafkah dan pakaian serta bergaul (Zainuddin, 2005 & al-Khitabi, 1988). Manakala, isteri pula mengurus dengan baik urusan rumahtangga, memberi nasihat kepada suaminya, amanah terhadap hartanya, menjaga anak-anaknya, tetamu dan dirinya (Zainuddin, 2005 & Syihabuddin, 1905). Dari hadis ini difahami bahawa suami adalah ketua keluarga yang perlu menyediakan keperluan keluarga. Sementara, isteri sebagai pembantu urusan rumahtangga perlu mengurus anak-anak dan mengurus rumah. Tugas yang dianjurkan oleh hadis ini tidak membiarkan hanya sebelah pihak yang bertungkus-lumus dalam kehidupan berkeluarga. Bahkan ketetapan tugas tersebut mampu meringankan beban suami dan isteri kerana keterlibatan kedua-dua belah pihak dalam melaksanakan tugas masing-masing dalam menjamin keutuhan berumahtangga.

Kerjasama antara suami dan isteri akan lebih mudah direalisasikan sekiranya isteri faham akan kedudukan dan peranannya dalam rumahtangga. Tidak kira lah sama ada isteri yang bekerjaya atau tidak, mereka tidak boleh mengabaikan tanggungjawab di rumah dan mestilah berkelakuan dengan sifat yang baik terhadap suaminya. Seperti yang disabdakan oleh Nabi SAW:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصِنَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا، دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شَاءَتْ

Jika seseorang wanita itu menunaikan solat 5 waktu, berpuasa bulan Ramadhan, memelihara kemaluannya, taat kepada suami yang memiliki hak besar darinya, dia memasuki ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki. (Ibnu Hibban, 1952)

Di samping itu, al-Quran juga menyebut tentang kaum lelaki merupakan ketua bagi kaum perempuan (an-Nisa': 34). Pada pendapat Jasmi et al (2004), tidak pelik jika sifat ego lelaki lebih tinggi daripada wanita kerana kelebihan yang mereka miliki iaitu sebagai ketua.

Sedangkan kaum wanita pula dihiasi dengan sifat kasih sayang dan lemah lembut. Dengan memiliki sifat tersebut mereka mampu membentuk anak-anaknya mengikut kemahuan mereka. Tugas dan sifat yang ditentukan oleh Allah SWT ini sebenarnya adalah untuk saling melengkapi kehidupan manusia dalam berumah tangga. Oleh itu, jika sebelah pihak mengabai tugas tersebut, ia akan menyebabkan ketidakstabilan rumah tangga malah akan membawa kepada keruntuhan institusi tersebut.



Rajah 1: Konsep Ta'awun dalam Rumahtangga

Penghargaan

Kertas kerja ini mendapat sokongan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - RGS/1/2020/SSI0/USIM/02/1 dengan tajuk “Model Baharu Pengekstrakan Makna Kontekstual Hadis Peranan Wanita Dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Pendekatan Ontologi” dengan kerjasama Fakulti Pengajian dengan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Rujukan

- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Daud*. Dar ar-Risalah al-'Alamiah.
- Ahmad Jamal. Nubdzatul 'Ilmiyyah fit Ta'awun asy-Syar'iyy wat Tahdzir minal Hizbiyyah, diterbitkan dalam bentuk mansyûrât (selebaran) oleh Markaz al-Imâm al-Albani, nomor 3, Rabi'u'l Awwal 1422 H. accessed on 7 Oktober 2022. <https://www.kulalsalafiyeen.com/vb/showthread.php?t=27696>
- Al-Badr, Abd al-Muhsin. Syarah Sunan Abi Daud. Maktabah al-Syamilah al-Haditsiah. <https://al-maktaba.org/book/32205/12105#p1>
- Al-Khitab, Abu Sulaiman. 1988. *A'lam al-Hadith*. Jami'ah Ummu al-Qura.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah. 2001. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ūauq an-Najah.
- Al-Maturidi, Muhamad bin Muhamad. 2005. *Tafsir al-Maturidi (Ta'wilat ahl as-sunnah)*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Nasaei, Abu Abdurrahman. 2001. *Sunan al-Kubra*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qairawani, Abu Muhammad Maki bin Abi Talib. 2008. *Al-Hidayah ila bulugh al-nihayah*. Majmu'ah Buhuth al-kitab wa Sunnah, v2, p 1266.

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

- Al-Qurtubi, A. A. (1964). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Mishriyah.
- Al-Tirmidzi. 1975. *Sunan Al-Tirmidzi*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Mathba'ah Mustafa Al-babi Al-Halabi.
- Faisal, Alu Mubarak. 2014. *Riyadhus Salihin dan Penjelasannya*. Jakarta: Ummul Qura.
- HadeethEnc. n.d. Mausu'ah al-ahadith an-Nabawiyyah. Accessed on 11 October 2022: <https://hadeethenc.com/ar/browse/hadith/3011>
- Haliza, A.Shukor, Hasnizam, Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan. (2012). Krisis Rumahtangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang- Undang*.
- Ibn al-Munzir, Abu Bakar Muhammad. 2002. *Tafsir Ibn al-Munzir*. Madinah: Dar al-Maathar.
- Ibn Hibban. 1975. *Sahih Ibn Hibban*. Dar al-Ma'arif.
- Ibn Juzi, Abu al-Qasim. 1995. *Tafsir Ibn Juzi (al-Tashil li 'ulum al-Tanzil)*. Beirut: Syarikah Dar al- Arqam bin Abi Arqam.
- Ibn Katsir. 1999. *Tafsir Quran Al- 'Azim*. Dar Toyyibah li Nasyr wa Tauzi'.
- Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad. N.d. *Sunan Ibn Majah*. Halab: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Jasmi, K. A., Mohammad, A., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A., Muhammad, A., & Mohamed, A. K. (2004). *Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazlee Malik. (2013). keluarga atau kerjaya. *Seminar Wanita dan Syariah, (Pertubuhan IKRAM)* Daerah Petaling Jaya.
- Muhammad Ali. 2011. *Injaz al-Hajah Syarah Sunan Ibn Majah*. Pakistan: Dar an-Nur.
- Razali, N. M., & Azhari, S. M. K. (2020). Implikasi Covid-19 Dari Sudut Emosi Dan Solusi Menurut Perspektif Al-Quran. *3 rd International Seminar On Islam and Science 2020 (Sais 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution*.
- Sa'di, A. R. (2000). *Taisir al-Kalam ar-Rahman fi Tafsir Kalam Al-Manan*. Muasasah Ar Risalah.
- Sahid, M. M., Hashim, H., & Amar, F. (2020). Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19. *3 Rd International Seminar On Islam and Science 2020 (SAIS 2020). Covid-19: Implication, Impact and Solution*.
- Samir, Jasam Radhi. 2012. Mafhum al-Ta'awun al-Dauli fi al-Madaris al-Fikriyah lil'alaqah al-Dauliyah. *Majalah al-Ulum al-Siyasah*, 45, p119-146
- Syihabuddin, Ahmad bin Muhammad. 1905. *Irsyad Sari*. Mesir: Mathba'ah al-Kubra al-Amiriah.
- Wakil, N. A. A., & Abdullah, S. S. (2021). COVID-19: Realiti Pelbagai Peranan Wanita Untuk Mengimbangi Kehidupan-Kerjaya. *Paradigma Sosial 2021*.
- Zainuddin, Zakariya bin Muhammad. 2005. *Minhah al-bari bisyarah Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-rusyd lilnashr wa tauzi'.
- Zarrabi, Hamid. (2007). *Tanzil.net (Quran Navigator)*. <https://tanzil.net/>